

**NO. SOALAN : 509**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**SOALAN NO. 509**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani isu pencemaran air tanah di tapak simpanan sisa buangan kilang Lynas. Siapakah yang akan bertanggungjawab untuk menanggung kos untuk kerja-kerja pembersihan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Spesifikasi dan reka bentuk tapak penstoran yang sedia ada untuk buangan NUF di Lynas Malaysia Sdn. Bhd. telah memenuhi reka bentuk yang ditetapkan untuk sesuatu tapak pelupusan selamat di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.
2. Bagi mengelakkan berlakunya pencemaran air tanah, satu sistem takungan telah disediakan untuk mengumpul air larian permukaan dan air larut resap (*leachate*) dari tapak penstoran seterusnya disalurkan ke sistem pengolahan efluen perindustrian untuk diolah/ dirawat selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.
3. Punca pencemaran air tanah yang berlaku masih belum dikenal pasti memandangkan pergerakan atau pengaliran air tanah adalah juga meliputi kawasan luar premis Lynas Malaysia Sdn. Bhd.
4. Namun, Notis Arahan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telah dikeluarkan kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian mengenai punca pencemaran, tahap kualiti air tanah dan risikonya kepada alam sekeliling.
5. Kos kerja-kerja pembersihan akan ditanggung oleh mana-mana pihak yang didapati menyebabkan berlakunya pencemaran terhadap air tanah.

Sekian, terima kasih.